

Timor Leste hargai

UM 2 2 OCT 2003

Daripada ZULKEFLI HAMZAH

DILI 21 Okt. — Timor Leste menyifatkan kunjungan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai penghargaan besar kepada rakyat dan negara ini serta menggambarkan hubungan akrab Timor Leste-Malaysia.

Perdana Menteri, Mari Alkatiri berkata, lawatan Dr. Mahathir merupakan kunjungan pertama seorang ketua kerajaan ke Timor Leste sejak ia mencapai kemerdekaan Mei tahun lalu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini, beliau menambah Malaysia juga merupakan negara pertama yang dikunjunginya sebagai seo-

rang perdana menteri iaitu pada Ogos lalu.

"Ini menandakan pentingnya hubungan Timor Leste-Malaysia. Ia satu pengiktirafan bahawa Timor Leste adalah salah sebuah negara di rantau ini sebagaimana juga Malaysia. Dan Malaysia juga telah menyatakan kesediaan untuk membantu Timor Leste membangunkan ekonomi, politik dan demokrasi," katanya.

Dr. Mahathir yang diiringi lima orang menteri dan 28 ahli perniagaan dijadual tiba di sini petang esok dalam rangka lawatan tiga harinya ke Timor Leste.

Selain diberi penghormatan berucap di Parlimen Timor Leste, Perdana Menteri akan turut menyampaikan sumbangan 32 buah trak dan melaku-

kan pecah tanah kompleks kedutaan Malaysia.

Mari berkata, objektif utama lawatan itu ialah untuk mengenal pasti bidang kerjasama di mana Malaysia dan Timor Leste akan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai kerjasama ekonomi, teknikal, saintifik dan perjanjian kebudayaan.

Katanya, saiz delegasi Dr. Mahathir sendiri menggambarkan kesungguhan Malaysia meneroka potensi Timor Leste dan beliau akan mengadakan perbincangan tertutup dengan Dr. Mahathir untuk meneroka pelbagai bidang kerjasama dalam sektor komersial dan ekonomi.

"Yang penting apa yang kita akan lakukan ialah menyediakan pelan tin-

kunjungan Dr. M

dakan untuk memberi jaminan terhadap pelaburan sektor swasta. Sebenarnya adalah lebih mudah kepada pelabur Malaysia melabur di sini kerana kita mempunyai persamaan bahasa," jelasnya.

Dr. Mari berkata, Timor Leste juga kini sedang merangka satu pakej undang-undang untuk menarik pelaburan yang dijangka diluluskan menjelang akhir tahun ini.

Ditanya mengenai komitmen Malaysia, Dr. Mari menegaskan bahawa ia sangat jelas dan sumbangan 32 buah trak untuk tentera Timor Leste akan banyak menyelesaikan masalah kekurangan peralatan pasukan keselamatan negara ini.

Beliau menjelaskan, penglibatan Malaysia di Timor Leste begitu dirasai

di mana pasukan polis Timor Leste dilatih oleh Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) dan komander pasukan pengaman Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) ialah rakyat Malaysia.

"Kedutaan pertama Timor Leste ialah di Malaysia. Saya jangka Malaysia akan meneruskan bantuan teknikal untuk membangunkan bidang pertanian, maklumat dan teknologi, pengurusan pelabuhan dan lapangan terbang, pentadbiran awam, polis serta keselamatan dan pertahanan," tambahnya.

Mengenai persaraan Dr. Mahathir akhir bulan ini, Dr. Mari berkata: "Adalah sesuatu yang menyedihkan melihat Dr. Mahathir bersara. Beliau telah berbuat banyak untuk negara-

nya dan rantau ini. Bagaimanapun selepas begitu lama berkhidmat, saya dapat bayangkan beliau perlukan masa untuk dirinya."

Beliau melihat jasa Dr. Mahathir yang berjaya membawa Malaysia menjadi negara yang pesat membangun pada masa ini, merupakan sumbangan yang sangat penting kepada komuniti serantau dan antarabangsa.

"Sumbangannya mengukuhkan kedudukan ASEAN, Pergerakan Negaranegara Berkecuali (NAM) dan mengasas Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mungkin merupakan sumbangan paling besar dalam komuniti antarabangsa yang semuanya memberi gambaran mengenai kepimpinannya yang begitu signifikan," tambah Dr. Mari. - *Utusan*